

# Ibu bertegas suruh jadi guru



## KAUNSELING REMAJA

**Prof Madya Datin  
Dr Sapura Sipon**  
rencana@hmetro.com.my

**?** Saya ada masalah dengan keluarga terutama ibu. Sikap mereka menyebabkan saya menghadapi tekanan.

Untuk pengetahuan, saya mahasiswa akhir di sebuah institusi pengajian tinggi di utara tanah air. Saya mengambil jurusan sains sosial kerana minat saya untuk menceburi bidang kerjaya yang berkaitan kemasyarakatan.

Malangnya, ibu tidak mengerti dan bertegas saya mesti menjadi guru. Saya tidak berminat berdepan dengan pelajaran dan tahu sejauh mana keupayaan saya.

Kini saya dalam dilema antara mahu

mengikuti kemahuan sendiri atau kata ibu. Saya sayang dan hormatkan ibu, tapi saya juga tidak mahu terus terperangkap dengan pilihan kerja yang tidak diminati.

**ANAK SERBA SALAH,  
Kedah.**

Cita-cita memang penting dalam pemilihan kerjaya. Ahli perkembangan kerjaya melihat individu yang mempunyai cita-cita akan lebih bekerja keras untuk mencapai cita-citanya. Ini satu perkembangan positif dalam pemilihan kerjaya.

Dr gembira kerana adik berwawasan dan mempunyai cita-cita yang ingin adik realisasikan sebaik saja tamat belajar. Pekerjaan guru adalah satu pekerjaan yang sangat mulia. Begitu juga bekerja sebagai pekerja sosial. Kedua-dua berada dalam kategori sosial dalam pemilihan kerjaya Holland.

Ciri-ciri personaliti individu dalam kategori sosial ialah suka bekerjasama, suka menolong, bersifat rasional, bijaksana, suka mengambil berat dan suka memujuk. Individu dalam kategori ini juga bersifat prihatin, bertanggungjawab, peramah, penyabar, baik hati, idealistik dan riang.

Di samping itu, indivi-

du sosial adalah seorang yang ekstrovert, memahami orang lain, mudah berinteraksi, suka bergaul dan bersifat pemurah

Pekerjaan dalam kategori sosial ialah penyarah, guru, ustaz, ahli politik, jururawat, kaunselor, pekerja sosial pegawai kastam, pegawai kebajikan, juruacara, pramugari, ahli psikologi klinikal, diplomat, ahli sosiologi dan lain-lain lagi.

Dalam merealisasikan cita-cita dan seterusnya pemilihan kerjaya, perbincangan dengan ibu mengenai dilema adik adalah penting. Adik perlu berbincang dengan ibu menerangkan mengapa berminat untuk menjadi seorang pekerja sosial.

Menjadi seorang pekerja sosial amat banyak manfaatnya. Terangkan kebaikan kerjaya seorang pekerja sosial.

Di samping itu, beritahu ibu mengapa adik tidak mahu menjadi seorang guru. Ia bukan kerana pekerjaan guru tidak baik tetapi ia lebih kepada pemilihan dan minat adik.

Kerjaya guru adalah baik. Guru mendidik anak bangsa. Memilih kerjaya yang diminati akan lebih menjadikan adik bermotivasi dalam kerjaya adik nanti.

## Kekasih berlainan agama ajak buat perbuatan terkutuk

**?** Saya seorang remaja dan masih belajar di sebuah sekolah menengah di Pahang. Saya kini bercinta dengan gadis berbangsa asing dan cinta kami bermula hampir empat tahun lepas.

Dia seorang gadis yang comel dan baik, malah saya mengaku sejak bercinta dengannya banyak perubahan positif berlaku ke atas diri saya.

Hubungan dengan keluarga semakin baik, malah saya makin rajin belajar. Dia juga menunjukkan minat mempelajari Islam dan ada ketikanya dia menyentuh bab kahwin.

Saya cuma melayan kata-katanya saja kerana saya belum bersedia untuk berkahwin memandangkan kami masih belajar.

Pada awal perhubungan kami semuanya seperti biasa, tapi seta-

hun lalu, perangai dia mula berubah dan sering berbi-cara lucu sama ada melalui panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas mahupun ketika berjumpa.

Masalah lain pula timbul pada tahun ini apabila dia mula meraba saya dan makin berani mengajak melakukan hubungan terlarang. Pernah suatu hari dia berkelakuan sungguh kurang sopan dan mengajak saya menidurinya. Saya menolak dengan baik kerana saya bukan seperti lelaki lain yang suka mengambil kesempatan.

Saya ada menceritakan perkara ini kepada rakan dan mereka membuat andaian yang kekasih saya itu cuma mahu melihat sejauh mana kesetiaan saya kepadanya. Saya ada bertanya kepada dia adakah perkara ini sekadar untuk menguji, tapi dia menafikan.

Saya semakin tertekan. Saya masih sayangkan di-

rinya, tapi saya juga tidak mahu terlanjur membuat perkara yang dilarang agama. Bantulah saya,

**PELAJAR BAIK BUDI,  
Pahang**

Cinta itu sesuatu yang indah, tapi janganlah sampai ia membebankan sehingga menyebabkan akidah diri terpesong. Cinta kalau memotivasikan adalah sesuatu yang mekar berkembang. Namun, jika cinta hanya membawa kepada kerosakan, ia adalah perlu dielakkan.

Persoalan yang diutarakan adik memang bukan mudah. Ia antara cinta dan sayang dengan pendirian diri. Ia juga berkaitan antara apa yang baik dan salah dalam agama.

Dalam konteks ini, adik dan kekasih perlu saling memahami peranan yang dimainkan. Begitu juga apa yang boleh dan apa tidak

boleh dilakukan. Jika satu pihak menginginkan satu perbuatan atau tingkah laku yang tidak dipersetujui oleh pihak lain, ia perlu dibincangkan bersama.

Dalam masalah adik, terangkan juga mengapa adik tidak mahu terlanjur dengan kekasih. Terangkan ia adalah satu perkara yang dilarang agama. Keputusan yang dibuat penting kerana ia akan mempengaruhi hala tuju perhubungan cinta kalian. Kata hikmah cinta iaitu "yakintlah bahawa keputusan anda hari ini akan berpengaruh terhadap apa yang akan anda alami pada masa datang".

Kata bijak cinta Islam, Imam Al Ghazali wajar adik ikuti. Pepatah beliau ialah, "yang paling besar di bumi ini bukan gunung dan lautan, melainkan hawa nafsu ke-

rana jika gagal di kendalikan kita akan menjadi penghuni neraka".

Itu adalah kata-kata orang bijak yang boleh memandu adik mengait jalinan cinta yang suci.

